



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

PROSEDUR KKP (OPERASI)

NO. DOKUMEN: PO - KKP - MBIP - 024

PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI

Disediakan Oleh:

(AZRULLAIL BIN MASIJAN)
Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disemak Oleh:

(SHHRULIZAM BIN ABDUL RASHID)
Timbalan Setiausaha
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Diluluskan Oleh:

(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
JALAN MEDINI SENTRAL 9
BANDAR MEDINI ISKANDAR
79250 ISKANDAR PUTERI
JOHOR, MALAYSIA

[illegible]

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 3 drp. 10

1.0 SKOP

- 1.1 Prosedur ini hendaklah diguna pakai untuk pemilihan, arahan, latihan, pengagihan dan penyimpanan serta penguatkuasaan peralatan perlindungan diri (PPE).

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk mewujudkan, melaksanakan dan mengekalkan prosedur berkenaan pemilihan, arahan, latihan, pengagihan dan penyimpanan serta penguatkuasaan peralatan perlindungan diri (PPE).

3.0 PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA

- 3.1 Pengurusan Atasan hendaklah menyediakan peruntukan yang secukupnya.
- 3.2 Pegawai berkenaan hendaklah bertanggungjawab bagi pemilihan peralatan perlindungan diri yang sesuai.
- 3.3 Pembelian peralatan perlindungan diri diuruskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan.
- 3.4 Pegawai berkenaan hendaklah memastikan warga kerja / kontraktor mematuhi prosedur ini.
- 3.5 Semua warga kerja / kontraktor hendaklah mematuhi prosedur ini.

4.0 TERMA DAN DEFINISI

- 4.1 MBIP
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
- 4.2 DB
Datuk Bandar
- 4.3 SU
Setiausaha
- 4.4 TSU
Timbalan Setiausaha
- 4.5 JKK **MBIP**
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan **MBIP**

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 4 drp. 10

4.6 MS

Malaysian Standard

4.7 ISO

International Organization for Standardization

4.8 KKP

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

4.9 SPKKP

Sistem Pengurusan KKP

4.10 MKKP

Manual KKP

4.11 PP-KKP

Prosedur Pengurusan KKP

4.12 PO-KKP

Prosedur Operasi KKP

4.13 Pengurusan Atasan

Orang atau kumpulan orang yang mengarahkan dan mengawal sesebuah organisasi pada peringkat tertinggi. Pengurusan atasan **MBIP** adalah DB dan SU.

NOTA 1 untuk entri: Pengurusan atasan mempunyai kuasa untuk mewakili kuasanya dan menyediakan sumber dalam organisasi, dengan syarat tanggungjawab utama bagi SPKKP dikekalkan.

NOTA 2 untuk entri: Jika skop sistem pengurusan hanya merangkumi sebahagian daripada organisasi, pengurusan atasan merujuk mereka yang mengarahkan dan mengawal bahagian organisasi tersebut.

NOTA 3 untuk entri: Perkataan ini merupakan salah satu daripada istilah biasa dan takrif teras untuk standard sistem pengurusan ISO yang diberikan dalam *Annex SL, Consolidated ISO Supplement to the ISO/IEC Directives, Part 1*. Nota 1 untuk entri telah diubah suai untuk menjelaskan tanggungjawab pengurusan atasan berhubung dengan sistem pengurusan KKP.



PROSEDUR KKP (OPERASI)

TARIKH PINDAAN : 14.5.2024

NO. PINDAAN : 01

PO-KKP-MBIP-024

PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI

MUKA SURAT : 5 drp. 10

4.14 Pegawai Berkenaan

Orang atau kumpulan orang yang mengetuai atau bertanggungjawab dalam Pejabat / Jabatan / Unit masing-masing.

4.15 Warga Kerja

Kakitangan / pekerja **MBIP**.

4.16 Kontraktor

Adalah mereka yang dilantik menjalankan kerja di bawah penyeliaan **MBIP**.

4.17 PPE

Peralatan Perlindungan Diri.

5.0 PROSEDUR

5.1 Peralatan Perlindungan Diri

5.1.1 Kawalan Hazard

5.1.1.1 Warga kerja dan kontraktor yang bekerja di dalam kawasan berbahaya hendaklah menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai bagi melindungi diri.

5.1.1.2 Untuk mengadakan satu program peralatan perlindungan diri (PPE) yang efektif. Warga kerja dan kontraktor harus:

- Mengetahui keperluan perundangan dan lain-lain keperluan berkaitan.
- Boleh mengenalpasti hazard.
- Mengetahui jenis peralatan perlindungan diri (PPE) yang dibekalkan bagi melindungi diri daripada hazard yang tertentu.
- Membangunkan kesedaran keselamatan yang efektif untuk meyakinkan diri supaya berpakaian selamat dan memakai peralatan perlindungan diri (PPE) yang bersesuaian.
- Mengkaji semula semua Helaian Data Keselamatan (SDS) yang memerlukan peralatan perlindungan diri (PPE) bagi melindungi daripada bahan kimia dan bahan-bahan berbahaya.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 6 drp. 10

5.2 Program Peralatan Perlindungan Diri (PPE)

5.2.1 Pemilihan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) berdasarkan:

- 5.2.1.1 Perundangan dan lain-lain keperluan.
- 5.2.1.2 Helaian Data Keselamatan Kimia (SDS).
- 5.2.1.3 Laporan pemantauan.
- 5.2.1.4 Jenis hazard dan risiko.
- 5.2.1.5 Peralatan perlindungan diri (PPE) yang diluluskan.
- 5.2.1.6 Dan lain-lain.

5.2.2 Pengagihan Peralatan Perlindungan Diri (PPE)

- 5.2.2.1 Pegawai berkenaan bertanggungjawab bagi pengagihan peralatan perlindungan diri (PPE).
- 5.2.2.2 Pengagihan dan inventori akan direkodkan.
- 5.2.2.3 Untuk kerja-kerja penyelenggaraan, pihak kontraktor bertanggungjawab membekalkan peralatan perlindungan diri (PPE) kepada pekerja mereka.

5.2.3 Latihan Peralatan Perlindungan Diri (PPE)

- 5.2.3.1 Pembekal peralatan perlindungan diri (PPE) dikehendaki memberi penerangan berkenaan peralatan perlindungan diri (PPE).
- 5.2.3.2 Rekod latihan / penerangan akan disimpan.

5.2.4 Pemakaian, Penjagaan dan Penyimpanan Peralatan Perlindungan Diri (PPE)

- 5.2.4.1 Peralatan Perlindungan Diri (PPE) dibekalkan kepada warga kerja yang terdedah kepada hazard di kawasan kerja.
- 5.2.4.2 Warga kerja dan kontraktor bertanggungjawab terhadap penjagaan peralatan perlindungan diri (PPE).
- 5.2.4.3 Segala kerosakan atau tamat tempoh perlulah dilaporkan.
- 5.2.4.4 Peralatan perlindungan diri (PPE) perlu di simpan dengan baik.

5.2.5 Penyeliaan dan Penguatkuasaan Peralatan Perlindungan Diri (PPE)

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 7 drp. 10

5.2.5.1 Pegawai berkenaan bertanggungjawab menyelia dan menguatkuasakan penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE).

5.3 Perlindungan Kepala

- 5.3.1 Semua warga kerja / kontraktor mesti memakai topi keselamatan setiap masa apabila bekerja di kawasan yang memerlukan pemakaian topi keselamatan.
- 5.3.2 Topi keselamatan yang retak, tercalar teruk atau rosak mesti ditukar.
- 5.3.3 Semua topi keselamatan mesti mempunyai tali pengikat dalaman yang boleh dilaraskan untuk pemakaian yang selesa.
- 5.3.4 Pengikat dagu topi keselamatan perlu dikenakan ketika bekerja dikedudukan tinggi bagi mengelakkan topi dari jatuh.

5.4 Perlindungan Mata

- 5.4.1 Pelindung mata perlu dipakai di semua kawasan di mana telah diisytiharkan sebagai kawasan hazard mata dan;
- 5.4.2 Dalam kawasan lain di mana peralatan yang digunakan menyebabkan berlaku serpihan yang berterbangan seperti alat pencanai, gergaji bulat, pahat, gas pemotong dan kerja-kerja yang seumpama dengannya.
- 5.4.3 Sekiranya cermin mata keselamatan memberikan perlindungan yang mencukupi, *goggle* atau pelindung muka tidak perlu dipakai.
- 5.4.4 Semasa mengimpal, warga kerja / kontraktor mestilah memakai *welding mask* dan *welding goggle*.

5.5 Perlindungan Telinga

- 5.5.1 Apabila terdedah kepada bunyi bising yang melampau, kehilangan pendengaran kekal boleh berlaku. Hazad kebisingan yang serius mesti dikenalpasti dan langkah-langkah kawalan mesti diambil untuk mengurangkan hazard tersebut.
- 5.5.2 Jika perlu, alihkan peralatan yang berbunyi bising dari kawasan kerja.
- 5.5.3 Jentera yang menghasilkan bunyi bising mestilah dipasang dengan sistem penyerap bunyi yang baik atau dipertingkatkan dan diubahsuai untuk mengurangkan paras bunyi serendah yang mungkin.
- 5.5.4 Jika tiada langkah yang sesuai boleh diambil untuk mengurangkan bunyi tersebut, satu tanda amaran perlu diletakkan untuk memastikan setiap warga kerja / kontraktor memakai pelindung telinga di kawasan tersebut.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 8 drp. 10

5.6 Perlindungan Kaki

5.6.1 Apabila terdapat banyak hazard di kawasan tempat kerja yang boleh mengakibatkan kecederaan kaki, semua warga kerja / kontraktor yang bekerja mesti memakai kasut keselamatan:

5.6.1.1 Pakai but keselamatan yang boleh memberikan perlindungan tambahan hingga ke paras buku lali.

5.6.1.2 Jika perlindungan tambahan (buku lali) tidak diperlukan, kasut keselamatan adalah memadai.

5.6.1.3 Semua kasut / but keselamatan mesti mempunyai pelindung keluli pada kawasan jari kaki (toe cap protection).

5.6.1.4 But keselamatan kalis air perlu dipakai apabila bekerja di kawasan yang berair.

5.2.2.4 Hazard utama pada kaki ialah apabila terjatuhnya objek berat menghempas kaki. Selain daripada itu objek tajam menembusi dari bawah atau paku yang boleh menembusi kepada kasut biasa.

5.2.2.5 Berjalan di atas permukaan yang tidak rata dikawasan kerja juga tidak selamat. Kasut keselamatan boleh melindungi buku lali dan menghalang berlakunya kecederaan yang serius.

5.7 Perlindungan Tubuh Badan

5.7.1 Di mana bahan hazard atau bahan yang kotor digunakan seperti cat, gris dan lain-lain. Pakaian *overall* yang sesuai perlulah dipakai, jika perlu.

5.7.2 *Overall* mestilah dipakai dengan selesa. Jika terlalu longgar atau terkoyak boleh menyebabkan tersangkut pada mesin atau peralatan yang sedang digunakan.

5.7.3 Jangan membiarkan tuala / kain terjuntai dari saku.

5.7.4 Minyak atau cecair yang mudah terbakar yang terpercik pada *overall* adalah hazard terdedah kepada kebakaran – tukar *overall* dengan segera.

5.8 Perlindungan Tangan

5.8.1 Kecederaan pada tangan boleh dicegah dengan memakai sarung tangan yang sesuai.

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 9 drp. 10

- 5.8.2 Sarung tangan yang sesuai perlu dipakai di mana terdapat risiko kepada kecederaan apabila mengendalikan peralatan yang tajam, bahan pengakis atau bahan kimia berbahaya.
- 5.8.3 Sarung tangan mesti ditukar apabila ia berlubang, nipis atau reput disebabkan pelarut serta bahan-bahan lain.
- 5.8.4 Memakai sarung tangan kadang-kadang membahayakan seperti ketika bekerja berhampiran dengan bahagian mesin atau alatan tangan yang sedang berputar.
- 5.9 Perlindungan Pernafasan
- 5.9.1 Terdapat sebilangan bahan dan unsur-unsur bahan yang digunakan di kawasan tempat kerja yang boleh menyebabkan hazard kesihatan apabila terhidu. Gas-gas kemungkinan beracun atau menyebabkan kekurangan oksigen (*asphyxiation*).
- 5.9.2 Di mana ada keperluan untuk perlindungan yang berterusan, alat pernafasan yang sesuai digunakan.
- 5.9.3 Apabila kerja terpaksa dilakukan di tempat tinggi, hanya peralatan yang bersesuaian sahaja digunakan.
- 5.10 Perlindungan Dari Terjatuh
- 5.10.1 Bila bekerja di tempat berisiko terjatuh melebihi 3 meter, abah-abah (*full body harness*) hendaklah digunakan.
- 5.10.2 Abah-abah (*full body harness*) hendaklah diperiksa selalu oleh orang yang kompeten bagi mengesan kerosakan.
- 5.10.3 Sebelum menggunakan abah-abah (*full body harness*), ia hendaklah diperiksa secara terperinci.

6.0 RUJUKAN

- 6.1 Dokumen Rujukan
- 6.1.1 MS ISO 45001:2018
- 6.1.1.1 Klausu 8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi.
- 6.2 Dokumen Berkaitan
- 6.2.1 Prosedur
- 6.2.1.1 PP-KKP-MBIP-003: Pengurusan Risiko dan Peluang

	PROSEDUR KKP (OPERASI)	TARIKH PINDAAN : 14.5.2024
		NO. PINDAAN : 01
PO-KKP-MBIP-024	PENGURUSAN PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI	MUKA SURAT : 10 drp. 10

6.2.1.2 PP-KKP-MBIP-004: Pengenalpastian Hazard Serta Penaksiran Risiko dan Peluang

6.2.2 Borang

6.2.2.1 PO-KKP-MBIP-024-B01: Rekod Peralatan Perlindungan Diri

7.0 LAMPIRAN

7.1 PO-KKP-MBIP-024-B01: Rekod Peralatan Perlindungan Diri



**PROSEDUR KKP
(OPERASI)**

TARIKH PINDAAN : 14.5.2024

NO. PINDAAN : 01

PO-KKP-MBIP-024

**PENGURUSAN PERALATAN
PERLINDUNGAN DIRI**

MUKA SURAT : 1 drp. 1

PO-KKP-MBIP-024-B01: REKOD PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI

BIL.	NAMA	JAWATAN	PEJABAT / JABATAN / UNIT	PERALATAN PERLINDUNGAN DIRI YANG DIAMBIL	KUANTITI	TARIKH	TANDA- TANGAN